

0834

R B790 AAB
OBSERVER - NAFI
DARIPADA WAN A.HULAIMI
I

LONDON, 15 MEI (BERNAMA) -- SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI SINI SEMALAM SEGERA MENAFIKAN LAPORAN DALAM AKHBAR +THE OBSERVER+ KONONNYA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN TIBA DI SINI MINGGU INI UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN PERIBADI DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DI BRITAIN PUAN MARGARET THATCHER BERHUBUNG DENGAN PENJUALAN PESAWAT TORNADO PEJUANG KEPADA MALAYSIA.

DALAM LAPORAN ITU AKHBAR ITU MENDAKWA KONONNYA DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN TIBA BAGI LAWATAN TIDAK RASMI +BERTUJUAN MENYELAMATKAN PERJANJIAN MENJUAL PESAWAT TORNADO+, YANG DIKATAKAN BERNILAI SATU JUTA BILLION POUND STERLING (KIRA-KIRA M\$4.67 BILLION).

MINGGU LEPAS, DALAM LAPORAN MUKA DEPAN YANG PANJANG, AKHBAR ITU MENDAKWA PENJUALAN ITU MEMPUYAI HUBUNG KAIT DENGAN JANJI BRITAIN UNTUK MEMBERI BANTUAN KEPADA MALAYSIA DAN PEMBAYARAN HABUAN YANG TINGGI KEPADA UMNO SERTA ANGGOTA KELUARGA PEMERINTAH.

TUDUHAN ITU SUDAH DINAFIKAN OLEH MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.

JURUCAKAP SURUHANJYA TINGGI MALAYSIA DI SINI SEMALAM BERKATA LAPORAN OBSERVER MENGENAI KEDATANGAN PERDANA MENTERI KE BRITAIN MINGGU INI +ADALAH DIADA-ADAKAN DAN KHAYALAN PEMBERITA OBSERVER.+ -- LAGI.

1153MST 15 05 89
0841

R B791 AAB
OBSERVER - NAFI 2 LONDON

SEBENARNYA PERDANA MENTERI SUDAH MERANCANG UNTUK DATANG KE LONDON LEBIH DARIPADA TIGA BULAN DAHULU, LAMA SEBELUM TIMBULNYA KEKECOHAN SEKARANG MENGENAI PENJUALAN TORNADO ITU, BAGI MERASMIKAN PEJABAT BANK NEGARA DI LONDON, KATANYA.

MENURUT SUMBER-SUMBER, LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR ITU DIATUR SUPAYA DIADAKAN BEBERAPA HARI SELEPAS BELIAU MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN ANAKNYA DI NEW YORK, PADA SEKITAR 24 MEI.

JURUCAKAP PEMBANGKANG MENGENAI PENJUALAN SENJATA, ALLAN ROGERS, AKAN MENIMBULKAN SOALAN MENGENAI PENJUALAN TORNADO DAN DAKWAAN MENGENAI HABUAN ITU DI PARLIMEN HARI INI. -- BERNAMA.

1203MST 15 05 89